

BULETIN KPWK M

BIL.
01/2019



TAHNIAH & SELAMAT DATANG

kepada YBhg.
Dato' Junaidah
binti Kamarruddin,
Ketua Setiausaha
Kementerian
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat



04 SEMINAR KELUARGA SAKINAH 2019

08 PROGRAM SANTUNI RAKYAT BERSAMA
TIMBALAN PERDANA MENTERI

10 PENERBITAN VIDEO MEMBANTERAS JENAYAH
SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK

14 PROGRAM MEMPERKASAKAN WANITA DALAM
BIDANG PENGURUSAN RISIKO SIBER

TAHNIAH & SELAMAT DATANG

Warga KPWK M mengalu-alukan kedatangan dan Selamat bertugas kepada **YBhg. Dato' Junaidah binti Kamarruddin** sebagai Ketua Setiausaha KPWK M yang baru.

YBhg. Dato' KSU telah *clock in* pada jam 8.30 pagi pada 27 Julai 2019 (Isnin) dan disambut oleh para pegawai dan kakitangan KPWK M sebelum melapor diri dan berjumpa dengan YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yeoh.



1
YBhg. Dato' KSU menerima kad pengenalan diri sebagai tanda bermula tugas di KPWK M.



2
YBhg. Dato' KSU beramah mesra dengan pegawai yang menyambut kedatangan beliau ke KPWK M.



3

Foto bersama YAB Timbalan Perdana Menteri pada hari pertama memulakan tugas sebagai KSU KPWKM.

3



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

PUAN JUNAINAH BT MOHD ZAID
Ketua Unit Komunikasi Korporat

KETUA PENGARANG

PUAN KU NOOR AZIAN BT KU AZIZAN
Pegawai Perhubungan Awam Kanan

EDITORIAL

1. ENCIK MOHD KHUSAINI BIN ABDUL MANAN
2. PUAN NUR EMELIANA BT ISHAK
3. ENCIK AMIRUL HAZIQ BIN MOHD GHAZALI
4. PUAN MIRA BINTI ABDUL RAHMAN
5. ENCIK YUDAS KRISTO JAMES KATULAI
6. ENCIK MOHD KAMAL BIN MOHD SALLEH
7. ENCIK KHAIRUL FAZRIL BIN ABDUL WAHAB
8. ENCIK MOHD SHAHRUL BIN MOHD NOOR

www.kpwkm.gov.my



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4,
62100 Putrajaya, MALAYSIA

f kpwkm @kpwkm @kpwkm



1 2

Sebilangan warga kementerian yang hadir memberi sokongan dan mendengar nasihat yang disampaikan oleh Ustaz Ebit Liew.

3

Ustaz Ebit Liew berinteraksi secara langsung dengan penonton agar lebih efektif dan mesra.



BERITA KPWKM

SEMINAR KELUARGA SAKINAH 2019

Seminar Keluarga Sakinah 2019 ini julung kali diadakan di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertempat di Dewan Perdana Nur.

KPWKM amat berbesar hati apabila Ustaz Ebit Liew dapat meluangkan masa untuk bersama-sama warga KPWKM menjayakan program ini bagi mendengar nasihat serta berkongsi pengalaman dalam satu sesi yang cukup bermakna ini. Dengan tajuk

“Melestari Keluarga Sakinah” (Love Till Jannah), ceramah daripada Ustaz Ebit Liew ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan ditambah pula dengan penyertaan bersama Ustaz Bakhtiar Fitri yang membawa tajuk ceramahnyanya : Ibu Bapa Superb, anak-anak Awesome.



4

Ustaz Ebit Liew sedang menyampaikan ceramah.

5

Ustaz Bakhtiar Fitri dalam ceramahnyanya mengenai keluarga yang bahagia.



PROGRAM 'HEELS AND WHEELS'

Program ini adalah anjuran Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang membawa objektif mendekatkan golongan wanita dengan kenderaan berkaitan dengan keselamatan dan penyelenggaraan kenderaan.

Majlis Perasmian 'HEELS AND WHEELS': Bengkel Keselamatan Kereta dan Jalanraya Untuk Wanita ini telah dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertempat di perkarangan KPWK.

Bengkel yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita, Bosch AA, Jabatan Keselamatan Jalan Raya, Proton Holding Berhad, Petron Malaysia, *Shopee Automotive* dan *Sweet Heart Paris Malaysia* bertujuan untuk mewujudkan kesedaran

terhadap tabiat memandu dan penyelenggaraan kereta yang baik di kalangan pemandu wanita.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, YBhg. Datuk Saidatu Akhma Hassan, Ketua Pengarah JPW, Pengurusan Tertinggi KPWK serta Jabatan dan agensi yang telah menghantar penyertaan seramai 90 orang untuk menghadiri bengkel ini selain rakan media yang dijemput untuk liputan program ini.



1 Wakil dari JKJR, menerangkan tentang perihai buku kurikulum pendidikan pemandu kepada para peserta yang hadir.

2 YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama wakil Bosch AA dan juga wakil kolaborasi yang bersama-sama menayakan program 'HEELS and WHEELS' ini.

3 Bergambar kenang-kenangan bersama Pengurusan Tertinggi KPWK dan wakil agensi yang turut serta menayakan program ini.

4 Salah seorang peserta mencuba untuk menyelenggara kenderaan semasa program tersebut.



5 YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam ucapan perasmian Program 'HEELS AND WHEELS': Bengkel Keselamatan Kereta dan Jalanraya Untuk Wanita.

PROGRAM KEMBARA DIGITAL MALAYSIA (KDM)

“Terus menuju arah kegemilangan zaman teknologi”, di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerima jemputan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang menganjurkan Kembara Digital Malaysia 2019 (KDM) yang telah diadakan di Bulatan Azlan Shah Meru, Ipoh.

KDM 2019 yang diadakan pada 27-28 Julai ini bertujuan membuka ruang dan peluang perkhidmatan digital yang ditawarkan oleh semua kementerian selaras dengan kemajuan dan permintaan terhadap digital yang semakin tinggi. Pameran ini turut disertai oleh agensi swasta yang turut mempamerkan peralatan inovatif yang jarang-jarang diperlihatkan kepada masyarakat umum.

KPWKM yang turut diundang bersama-sama menjayakan pameran ini dengan harapan dapat menyebarluaskan tentang perkhidmatan atas talian dan secara berdepan Masyarakat seperti Talian Kasih 15999. Antara perkhidmatan KPWK bersama Jabatan dan agensi ialah:

3. JobCoach Orang Kurang Upaya (JKM)
4. Tatacara Pengambilan Anak Pelihara (JKM)
5. Hentikan Keganasan Terhadap Wanita (JPW)
6. Aktiviti Sukarelawan Home Help (JKM)
7. Kerja Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat

Antara pameran lain yang turut ditawarkan ialah:

1. Talian Kasih 15999
2. Anjung kasih dan Anjung Singgah
3. Kafe@teen
4. Kempen Say No 2 Zina
5. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)
6. Info Bencana
7. Saluran Kebajikan Atas Talian melalui aplikasi Boost (YKN)
8. YKN Dialisis
9. Program Pemulihan Dalam Komuniti
10. Pusat Jagaan berkediaman
11. Pendaftaran Taska

1 Sesi terapi minda yang disediakan oleh LPPKN Negeri Perak kepada pengunjung yang datang ke Booth KPWK.

1. Video Pendidikan Seks Siri 1-5
2. Hentikan Penderaan Terhadap Kanak-kanak



2 YB Gobindh Singh berucap dalam majlis perasmian Kembara Digital Malaysia di Ipoh, Perak.

3 Pengunjung yang datang memberi sokongan kepada Promosi Talian Kasih 15999.

4 Pegawai Perhubungan Awam memberi penerangan dan maklumat berkaitan Talian Kasih 15999.



1 YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yeoh bersama ahli-ahli panel dan cendekiawan yang menjayakan Sambutan Ibu Bapa Kebangsaan.

2 YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa berucap di majlis perasmian.

3 Kehadiran YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat disambut meriah oleh Majlis Pengurusan Tertinggi.

4 Seminar Keibubapaan ke arah Mendepani Cabaran Alaf Baru sempena Sambutan Hari Ibu Bapa Kebangsaan.

5 Encik Harith Iskander selaku moderator bagi Sambutan Hari Ibu Bapa Kebangsaan di UPM.

SAMBUTAN HARI IBU BAPA KEBANGSAAN

Pada 13 Julai 2019, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,

telah menyempurnakan Sambutan Hari Ibu Bapa Kebangsaan ini yang telah diadakan di Fakulti Sains dan Kesihatan Universiti Putra Malaysia (UPM). Bagi merencanakan lagi sambutan pada kali ini, satu forum khas mengenai keibubapaan telah diadakan dan bersama-sama moderator terkenal Encik Harith Iskander yang membawa tajuk: Keibubapaan Kreatif Mendepani Cabaran Alaf Baru.

Selain itu, turut diadakan pameran perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan dan agensi di bawah KPWK sebagai satu medan interaksi bersama Masyarakat setempat yang hadir supaya mereka lebih peka dan tahu perkhidmatan kebajikan yang ditawarkan.

#SANASINI@KPWK

PROGRAM SANTUNI RAKYAT

BERSAMA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

26 JANUARI 2019

Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Johor, di Angsana,
Johor Bahru, Johor



13 APRIL 2019

Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Pahang di Berjaya Mega Mall,
Kuantan, Pahang



29 JUN 2019

Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Sarawak yang diadakan di MYDIN
HYPERMART Petra Jaya, Kuching



24 OGOS 2019

Program Santuni Rakyat Peringkat Negeri Kedah di Aman Central,
Alor Setar, Kedah



SPEAKER'S CORNER KPWKM

19 APRIL 2019

Sesi Perkongsian Ilmu Speaker's Corner@KPWKM



ENCIK KHAIRUL AMRI BIN AHMAD.
'SISTEM PENGURUSAN KLIEN DALAM PRAKTIKIS
KERJA SOSIAL'.



PUAN WAN NORAIDAH BINTI WAN MOHD ZAIN.
'PERBEZAAN KERJA SUKARELA VS KERJA
KEBAJIKAN VS KERJA SOSIAL'.



PUAN SITI ADIBAH BINTI ABDUL RAHMAN.
'UNDANG-UNDANG UNTUK KERJA SOSIAL:
BERSEDIKAH ANDA?'.

19 JULAI 2019

Sesi Perkongsian Ilmu Speaker's Corner@KPWKM



NORYANTI BINTI MAHBUB.
'SURVIVAL PENGIDAP *CELEBRAL PALSY* SATU
PERKONGSIAN'.



MOHD SAFUAN BIN ELIAS.
'AKU, DIA DAN KAMU'.



PUAN ROZIAH BINTI MOHD RADZI.
'ENGLISH (MIND YOUR LANGUAGE ENGLISH;
OH!MY ENGLISH)'.

6 SEPTEMBER 2019

Sesi Perkongsian Ilmu Speaker's Corner@KPWKM



PUAN MAZNAH BINTI ZAINUL ABIDIN
'EMAK'.



ENCIK SARIFUDDIN BIN SAIRI
'MALAYSIA MERDEKA'.



ENCIK NUR HAFIS BIN ZAKARIA
'M.E.R.D.E.K.A'.

#KHIDMAT MASYARAKAT

PROGRAM JEJAK GOLONGAN SASAR

Program JEJAK Golongan Sasar YPKDT@Roadshow M.A.R.I

yang telah diadakan di Dewan Sekolah Tinggi Muar, Johor. Kerjasama antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor, Jabatan Pembangunan

Wanita Johor, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga, KEMAS dan turut serta ialah pihak Tourism Johor.

PENERBITAN VIDEO MEMBANTERAS JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK



“Kerajaan melalui KPWK akan terus komited dalam membanteras Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak”.

Penerbitan sebanyak lima siri video ini merupakan satu inisiatif bagi memberi panduan kepada ibu bapa dan pelajaran kepada anak-anak untuk berani mengadu dan sekiranya mereka

dicabul, ditunjukkan bahan lucah, isyarat lucah dan sebagainya seperti yang terkandung dalam Akta Jenayah Seksual Terhadap kanak-kanak.




1
YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Timbalan Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yeoh dalam Sidang Media Kempen Kesedaran Pendidikan Seks di Kalangan Kanak-kanak melalui medium media sosial (Youtube).



② ③
Sumber: Youtube Malaysia

④
Paparan pada muka Youtube bagi setiap bilangan video mengenai Kempen Jenayah Seksual Terhadap kanak-kanak.



PELANCARAN KEMPEN

MENCEGAH PEMBUANGAN BAYI BERSAMA MEDIA DI R&R KAWASAN REHAT PLUS

28 JUN 2019

YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yeoh telah turun padang dalam Kempen Mencegah Pembuangan Bayi bersama Media di PLUS R&R Seremban arah Utara.

1

Turut sama menyertai menjayakan Kempen Mencegah Pembuangan Bayi YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Program ini antara lain untuk memberi peringatan dan kesedaran melalui poster-poster yang ditampal di setiap tandas.

KPWKM amat berharap agar pihak media turut sama-sama membantu dalam mencegah kes seperti ini dari terus meningkat di dalam negara kita.

Memetik ucapan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa merasmikan kempen ini, "Kes pembuangan bayi merupakan satu isu yang serius dan harus ditangani dengan kadar segera. Statistik pembuangan bayi daripada PDRM merekodkan 577 kes bagi tahun 2014 sehingga 2018. Salah satu punca pembuangan bayi ini adalah Kehamilan Luar Nikah dan Kehamilan Remaja.

Oleh itu, Kementerian mengambil langkah proaktif dengan merangka strategi advokasi, pencegahan serta menjalankan program kesedaran awam khusus kepada golongan

remaja mengenai kesihatan reproduktif mereka. Kementerian juga dalam usaha untuk melaksanakan *locality mapping* dan *strategic intervention* bagi kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai *hot spot* kes pembuangan bayi melalui kerjasama dengan Polis DiRaja Malaysia. Justeru itu, kita perlu memfokuskan kepada keselamatan, kesihatan dan kebajikan kedua-dua bayi dan ibunya. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, komuniti, institusi keagamaan, media, pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan lain-lain pihak yang berkaitan untuk sama-sama merealisasikan memastikan keselamatan dan perlindungan bayi dan ibunya. Akhir kata, saya ingin menasihatkan kepada remaja atau wanita di luar sana, sekiranya anda sudah terlanjur dan tidak tahu apa langkah yang patut dilakukan, boleh hubungi Talian Kasih 15999 untuk berbincang mengenai masalah yang demikian dan seterusnya menjayakan kempen ini".





2 Poster Kempen Mencegah Pembuangan Bayi yang dilancarkan pada perasmian berkenaan.

3 YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, menjawab soalan-soalan kepada pemberita berkenaan kempen yang dilancarkan.

4 YAB Timbalan Perdana Menteri memberi penerangan ringkas mengenai objektif kempen ini kepada semua yang hadir.



5 YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Hannah Yeoh bersama Majlis Pengurusan Tertinggi mengambil peluang untuk menjayakan Kempen Mencegah Pembuangan Bayi di R&R yang dipilih.

PROGRAM MEMPERKASAKAN WANITA DALAM BIDANG PENGURUSAN RISIKO SIBER

20 JUN 2019

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM EMPOWERING WOMEN IN CYBERSECURITY DI KPWK

1

YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama penggerak menjayakan Kempen *Empowering Women in Cyber Risk Management* yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Wanita amat penting dalam negara yang menyumbang sama ada secara langsung atau tidak langsung. Oleh yang demikian, YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluangkan masa merasmikan Program Untuk Wanita Kembali Bekerja. Tema Memperkasakan Wanita Dalam Pengurusan Ancaman Siber diharap dapat melatih para wanita yang berkemahiran bagi keselamatan siber dalam negara. Menerusi program ini, para peserta (wanita) akan menjalani program pemerkasaan selama tiga (3) bulan yang terkandung latihan kemahiran semula dan melibatkan mereka dalam tenaga kerja

keselamatan siber serta program pensijilan yang diiktiraf secara global.

Antara prasyarat bagi wanita yang ingin memohon adalah:

1. warganegara Malaysia,
2. telah berehat dari kerjaya bagi tempoh enam (6) bulan dan-
3. mempunyai pengalaman bekerja di syarikat Korporat selama tiga (3) tahun.

Permohonan boleh dibuat melalui <http://bit.ly/womenincyber>. Semoga usaha ini dapat menarik penglibatan pelbagai pihak bagi menyokong inisiatif KPWK bersama pihak-pihak yang terlibat.



1

2

Bergambar bersama-sama sebagai tanda sokongan dan menjayakan Kempen *Empowering Women in Cyber Risk Management*.

3

YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berucap semasa perasmian majlis.

4

Sebahagian penjawat awam dan penguatkuasa undang-undang yang hadir memberikan sokongan.



3



2

4



PROGRAM LAY KAUNSELOR

Kaunseling merupakan satu perkhidmatan istimewa yang memberi bimbingan klien mencari sumber dirinya yang menyumbang kepada isu-isu yang dihadapi bagi mengatasi masalah tersebut.

Harus diingat, penerimaan dan perakuan sumber diri adalah penting dalam menghasilkan perubahan diri. Oleh itu, KPWK telah mewujudkan Program Lay Kaunselor melalui Institut Sosial Malaysia (ISM), sebagai barisan hadapan dalam membantu kaunselor profesional untuk menyelesaikan masalah sosial dalam negara khususnya. Lay Kaunselor

juga berperanan sebagai sokongan tambahan kepada individu yang menghadapi masalah seperti saudara mara dan sahabat handai atau pun komuniti setempat. Program yang berlangsung selama 2 hari iaitu pada 18-19 Jun 2019 ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga KPWK dan juga kakitangan kementerian yang lain.





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

Aduan Krisis Masyarakat

TALIAN *Kasih* 
15999



taliankasih@kpwkm.gov.my